

1.0 TATACARA PENGENDALIAN UJIAN 1 DAN 2

- 1.1 Kotak pensil hendaklah disimpan dibawah meja dan hanya meninggalkan kalkulator beserta alat tulis yang hendak digunakan diatas meja.
- 1.2 Barang-barang elektronik hendaklah dimatikan serta diletakkan dibawah meja atau kerusi.
- 1.3 Nota atau sebarang bentuk penulisan tidak dibenarkan dibawa ke dewan peperiksaan.
- 1.4 Tidak dibenarkan menjeling, menoleh kiri, kanan atau belakang, menggunakan bahasa isyarat ataupun bersembang semasa tempoh ujian berlangsung.
- 1.5 Sekiranya kesalahan pada perkara 1.1 - 1.4 atau salah satu perlakuan 1.1, 1.2, 1.3 atau 1.4 yang mencurigakan yang telah dikenalpasti maka pengawas boleh membuka kes aduan dan akan dibicarakan diperingkat jawatankuasa tatatertib FKEE.
- 1.6 Dari segi etika berpakaian pelajar wajib mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) semasa berada didalam kampus serta menghadiri ujian/peperiksaan akhir. Ini termasuk dengan memakai kasut serta berstokin, berambut pendek, kemas dan rapi.

2.0 TATACARA PENGENDALIAN KES PENYELEWENGAN AKADEMIK PELAJAR

2.1. TATACARA TANGKAPAN

- 2.1.1 Jika pengawas mencurigai perlakuan seseorang pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik/dewan peperiksaan, maka pengawas tersebut hendaklah memerhatikan dengan jelas perlakuan pelajar berkenaan bersama-sama seorang saksi lain (jika ada) di kalangan pengawas sebelum mengambil tindakan selanjutnya.
- 2.1.2 Sekiranya pelajar masih dalam keadaan yang mencurigakan, pengawas dan saksi lain (jika ada) boleh mengenalpasti jenis penyelewengan akademik yang dilakukan oleh pelajar itu;
- 2.1.3 Kemudian pengawas dan saksi lain (jika ada) hendaklah menghampiri pelajar tersebut dan membuat pemeriksaan lanjut;
- 2.1.4 Pengawas tersebut perlu mempertimbangkan sama ada perlu memajukan kes bagi tujuan pelaporan ke Unit Akademik FKEE atau hanya setakat memberikan amaran lisan;

- 2.1.5 Jika perlakuan pelajar jelas menunjukkan berlaku penyelewengan akademik, maka pengawas hendaklah merampas bahan bukti, mengambil skrip jawapan serta kad matrik pelajar dan melaporkan kes kepada Unit Akademik FKEE;
- 2.1.6 Pengawas peperiksaan hendaklah menulis 'DALAM SIASATAN' di muka hadapan skrip jawapan dan ditandatangani oleh pelajar dan pengawas. Skrip jawapan tersebut perlu diambil dan diasingkan oleh pengawas. Pelajar tersebut akan diberikan skrip jawapan yang baru dan dibenarkan untuk terus menjawab peperiksaan.
- 2.1.7 Pelajar perlu membuat pengesahan pemilikan bahan bukti berkenaan di dalam Borang Aduan Penyelewengan Akademik. Sekiranya pelajar memilih untuk tidak membuat pengesahan pemilikan di dalam borang aduan, maka pengawas hendaklah membuat catatan tentang alasan keengganan pelajar di dalam borang itu;
- 2.1.8 Seterusnya, pengawas (pelapor) mengisi Borang Aduan Penyelewengan Akademik dengan lengkap;
- 2.1.9 Pengawas digalakkan mengambil gambar kad matrik pelajar serta bahan bukti tersebut;
- 2.1.10 Borang aduan, skrip jawapan pelajar tersebut (skrip asal dan skrip baharu) dan bahan bukti hendaklah dihantar ke Unit Akademik FKEE oleh pengawas selepas sesi peperiksaan tamat/selesai.
- * Dalam konteks tatacara ini, "pengawas" ertinya mana-mana pensyarah atau pegawai atau mana-mana orang yang ditentukan untuk mengawasi apa-apa bentuk penilaian fakulti.

2.2 TATACARA PENGENDALIAN BAHAN BUKTI

- 2.2.1 Apa-apa bahan bukti kes yang dirampas beserta borang aduan dan skrip jawapan pelajar tersebut yang telah diasingkan, hendaklah dimajukan oleh pengawas kepada Unit Akademik FKEE selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) hari bekerja selepas tamat peperiksaan.
- 2.2.2 Bagi bahan bukti yang tidak boleh dirampas, maka pengawas perlu berusaha dengan cara lain yang bersesuaian untuk memajukan bahan bukti tersebut sama ada mendapatkan bantuan dari pengawas yang lain atau membuat rakaman gambar / video menggunakan telefon bimbit atau yang seumpamanya;
- 2.2.3 Unit Akademik FKEE hendaklah menyimpan bahan bukti yang dimajukan oleh pengawas ke dalam sampul berpelekat (sealed) yang mempunyai label NAMA PELAJAR / NO MATRIK / NO. SIRI BAHAN BUKTI (JIKA ADA);

2.2.4 Borang aduan, salinan skrip jawapan pelajar serta bahan bukti hendaklah dimajukan oleh Unit Akademik FKEE ke Jawatankuasa Aduan dan Siasatan FKEE selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) hari bekerja selepas kes diterima;

2.3 TATACARA PROSES PENGENDALIAN SIASATAN

2.3.1 Unit Aduan dan Siasatan penyelewangan akademik FKEE akan memanggil pelajar untuk membela diri dan segala maklumat serta bahan bukti berkenaan dengan kes siasatan direkodkan.

2.3.2 Unit Aduan dan Siasatan penyelewangan akademik FKEE akan berbincang dan mengenalpasti sekiranya pelajar didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman atau dilepaskan kerana tiada bukti yang kukuh.

2.3.3 Pelajar akan dipanggil untuk diperdengarkan keputusan siasatan oleh Unit Tatatertib dan Salahlaku pelajar berserta dengan hukuman sekiranya didapati pelajar adalah bersalah.

2.3.4 Sekiranya pelajar tidak bersetuju dengan keputusan Unit Tatatertib dan Salahlaku dengan hukuman yang dijatuhkan kepadanya pelajar berhak untuk dibicarakan semula.

2.3.5 Pelajar diminta untuk membela diri sekali lagi dan bukti – bukti maklumat direkodkan oleh Unit Rayuan Tatatertib pelajar.

2.3.6 Unit Rayuan Tatatertib akan berbincang dan mengenalpasti sekiranya pelajar didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman atau dilepaskan kerana tiada maklumat beserta bukti yang kukuh.

2.3.7 Pelajar akan dipanggil untuk diperdengarkan keputusan akhir oleh Unit Rayuan Tatatertib.

3.0 HUKUMAN

- 3.1. Pelajar yang didapati sabit kesalahan meniru akan diberikan markah sifar; dan
- 3.2. Dikenakan hukuman melaksanakan khidmat masyarakat selama 3 jam dibawah seliaan Fakulti; dan
- 3.3. Surat makluman akan dihantar kepada ibu/bapa atau waris; dan
- 3.4. Pelajar juga boleh dirujuk ke Bahagian Perundangan untuk dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.
- 3.5. Pelajar hendaklah mengisi borang akujanji serta akan melaksanakan hukuman tersebut dalam tempoh satu semester.